

RANCANG PERJALANAN DENGAN MYPLUS-TTA SEMPENA CUTI SEKOLAH, KRISMAS & TAHUN BAHARU 2026

Petaling Jaya, 17 Disember 2025:- Orang ramai disaran merancang perjalanan lebih awal menggunakan jadual perjalanan digital MyPLUS-TTA bagi memastikan kelancaran pergerakan di lebuhraya sempena musim cuti persekolahan akhir tahun, perayaan Krismas dan sambutan Tahun Baharu 2026 yang akan datang.

PLUS Malaysia Berhad (PLUS) menyediakan MyPLUS-TTA yang boleh diakses menerusi aplikasi PLUS bagi memudahkan pengguna lebuhraya merancang perjalanan dengan lebih efisien dan seterusnya membantu memastikan aliran trafik yang lebih lancar di lebuhraya. Dengan penambahbaikan terbaharu, jadual perjalanan digital MyPLUS-TTA boleh diakses bukan sahaja pada musim-musim perayaan, malah pada hari-hari puncak terpilih.

Sepanjang tempoh tersebut, orang ramai boleh mendapatkan jadual perjalanan digital MyPLUS-TTA untuk memilih waktu perjalanan yang paling optimum di Lebuhraya PLUS dan Lebuhraya Pantai Timur 2 (LPT2) yang tersedia di aplikasi PLUS bagi perjalanan antara 19 Disember 2025 hingga 4 Januari 2026 akan datang. Aplikasi PLUS boleh dimuat turun secara percuma menerusi Google Play Store (bagi peranti Android) dan App Store (bagi pengguna iPhone).

PLUS juga menjangkakan jumlah trafik akan mencecah sehingga 2.2 juta kenderaan sehari pada Hari-hari Puncak di rangkaian lebuhraya kendaliannya iaitu pada 19, 20, 22, 23 24, 26 dan 27 Disember 2025 dan 2 Januari 2026.

Bagi mengurus peningkatan jumlah kenderaan dan melancarkan pergerakan trafik, PLUS akan mengaktifkan laluan Smart Lane di 30 lokasi-lokasi tumpuan trafik di lebuhraya bagi membantu aliran trafik di lebuhraya sempena musim percutian dan perayaan kali ini. *(Sila rujuk lampiran A untuk lokasi pengaktifan Smart Lane).*

Pada masa yang sama, pengguna lebuhraya juga boleh mendapatkan maklumat trafik terkini menerusi aplikasi PLUS, Pembantu Maya - PUTRI, mengikuti aplikasi X@plustrafik dan aplikasi X@lpt2trafik, paparan mesej elektronik (VMS) di lokasi-lokasi terpilih atau menerusi saluran stesen radio utama negara.

Orang ramai juga boleh menghubungi talian PLUSLine di 1800-88-0000 atau LPT2Line di 1800-88-0220 yang beroperasi 24 jam sehari untuk mendapatkan bantuan apabila berlaku kecemasan. Kami juga menasihatkan pengguna lebuhraya supaya menggunakan aplikasi PLUS, aplikasi Waze atau Google Maps untuk merancang dan mendapatkan pelan perjalanan dengan lebih baik pada musim perayaan kali ini.

- TAMAT -

PERTANYAAN MEDIA:

Mashitah Mohd Arshad Pemangku Ketua Komunikasi Korporat PLUS Malaysia Berhad Telefon Bimbit: 013-2097092 Emel: mashitah@plus.com.my	Rofina Adam Pengurus Komunikasi Korporat PLUS Malaysia Berhad Telefon Bimbit: 012-657 4452 Emel: rofina@plus.com.my
---	---